

23/04/1997

Bumiputera sudah maju dalam IT

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Bumiputera sudah lebih maju dalam beberapa bidang teknologi maklumat (IT) termasuk multimedia dengan kepakaran yang boleh menandingi atau lebih baik daripada orang lain.

Katanya, terdapat sesetengah bidang IT, syarikat Bumiputera sudah melonjak jauh ke hadapan dengan memiliki jurutera, juruprogram terlatih yang boleh menyediakan program sesuai dengan keperluan IT.

"Jadi kita jangan khuatir peranan mereka. Kita tidak menekankan sangat mesti ada 30 peratus dan sekian banyak pekerja atau pelaburan kerana kita dapati Bumiputera lebih baik dalam sesetengah bidang.

"Di Hollywood sendiri, terdapat Bumiputera yang terbabit dalam pembikinan dan pengeluaran filem Jurassic Park. Kita tanya dia sama ada dia mahu balik ke Malaysia.

"Tapi gaji di sana lebih lumayan. Jumlah mereka ini ramai di sana. Lebih-lebih lagi kepada anak muda yang mudah sangat memahami dunia komputer. Pengetahuan mereka sama dengan pengetahuan dengan orang lain," katanya pada Dialog MSC bersama Perdana Menteri menerusi sidang video yang diadakan serentak di 28 lokasi di seluruh negara.

Dialog bersama Perdana Menteri itu disertai kira-kira 13,000 orang mewakili pelbagai bidang termasuk ahli akademik, pelajar, guru, ahli politik, usahawan dan golongan profesional.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, buat masa ini kerajaan tiada program tertentu untuk Bumiputera bagi memastikan penyertaan mereka dalam pembangunan MSC.

"Secara umum segala pembangunan kerajaan tetap memberi kesempatan dan peranan kepada Bumiputera sama ada pengusaha, peniaga atau pekerja untuk mendapat peluang dalam projek kerajaan.

"Kita tidak pernah lupa akan tanggungjawab kita untuk mengimbangkan ekonomi Bumiputera dengan bukan Bumiputera. Kita berpendapat golongan kelas menengah Bumiputera berkurangan.

"Kita ada usaha untuk menambah kelas menengah terbabit. Kita sentiasa memberi peluang kepada golongan ini untuk melabur dalam MSC," katanya sambil menyatakan sudah banyak syarikat Bumiputera terbabit dalam IT.

Beliau memberi contoh ketika melawat satu pameran di Universiti Putra Malaysia (UPM) banyak syarikat IT yang baru ditubuh kebanyakannya Bumiputera sama ada ia dilakukan secara usaha sama dengan syarikat asing atau persendirian.

"Mereka mempunyai pengetahuan canggih dan ada yang melabur RM20 juta membeli sistem komputer untuk menyimpan data tertentu dan kebolehan mereka tidak kurang daripada orang lain," katanya.

(END)